



KASTAM DIRAJA MALAYSIA

CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN

PANDUAN INDUSTRI UTILITI (ELEKTRIK)

Penerbitan

Tarikh diterbitkan: 4 Mac 2016.

Notis Hak Cipta

Hak cipta 2016 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hak Cipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya dengan terbitnya suatu panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini dibenarkan untuk diterbitkan semula, disimpan di dalam sistem perolehan kembali atau dipanjangkan dalam apa jua bentuk termasuk di dalam laman web untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam penghasilan semula atau pemetikan kandungan, perakuan sumber diperlukan.

Penolakan Tuntutan

Maklumat ini bertujuan memberi kefahaman umum tentang layanan berkenaan Cukai Barang dan Perkhidmatan dan memberi pemahaman yang lebih baik tentang kewajipan pembayar cukai. Ia bukannya bertujuan untuk mengemukakan pelbagai permasalahan percukaian yang mungkin timbul. Walaupun JKDM telah mengambil semua inisiatif bagi memastikan maklumat yang terkandung dalam Panduan ini adalah tepat, JKDM tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan dan ketidaktepatan atau sebarang kerugian kewangan atau lain-lain yang ditanggung oleh individu yang menggunakan maklumat daripada Panduan ini. Kesemua maklumat adalah terkini pada masa penyediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

PENGENALAN	1
Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) Secara Ringkas	1
INDUSTRI UTILITI (ELEKTRIK) SECARA KESELURUHAN	1
LAYANAN CBP KE ATAS PEMBEKALAN ELEKTRIK	3
SOALAN-SOALAN LAZIM	7
PERTANYAAN	12
BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT BERKAITAN CBP	12

PENGENALAN

1. Panduan industri ini disediakan untuk membantu peniaga dalam memahami perkara berkaitan dengan layanan CBP ke atas pembekalan elektrik.

Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) Secara Ringkas

2. CBP adalah cukai berperingkat yang dikenakan ke atas pengguna dalam negeri. CBP dikenakan ke atas semua pembekalan barang dan perkhidmatan bercukai dalam Malaysia kecuali yang disenaraikan di bawah Perintah CBP (Pembekalan Dikecualikan) 2014. CBP juga dikenakan ke atas pengimportan barang dan perkhidmatan ke Malaysia.

3. Pembayaran cukai dibuat secara berperingkat oleh setiap perantara dalam proses pengeluaran dan pengedaran. Walaupun cukai dibayar di sepanjang rantai pengeluaran dan pengedaran, hanya nilai tambah di setiap peringkat dikenakan cukai untuk mengelakkan cukai berganda.

4. Di Malaysia, seseorang yang didaftarkan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dikenali sebagai “orang berdaftar”. Orang berdaftar dikehendaki mengenakan CBP (cukai output) ke atas pembekalan bercukai yang dibuat kepada pelanggannya. Beliau dibenarkan menuntut kembali sebarang CBP yang ditanggung dalam pembeliannya (cukai input) yang merupakan input kepada perniagaannya. Oleh itu, cukai itu sendiri bukanlah kos kepada perantara dan tidak wujud sebagai perbelanjaan dalam penyata kewangan mereka.

INDUSTRI UTILITI (ELEKTRIK) SECARA KESELURUHAN


5. Pembekalan tarif elektrik bagi Semenanjung Malaysia dikawal selia oleh Suruhanjaya Tenaga Malaysia di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990, Ordinan Bekalan Elektrik Sarawak 1982 bagi Sarawak, Akta Bekalan Elektrik (Syarikat Pengganti) 1990 dan Akta Lembaga Letrik Sabah 1983 bagi Sabah.

6. Aktiviti utama dalam industri elektrik adalah **penjanaan, transmisi dan pengagihan** elektrik. Pada asasnya, rantai bekalan elektrik melibatkan tiga proses sebelum ianya dibekalkan kepada pengguna. Di Semenanjung Malaysia pihak yang membekal elektrik adalah Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Pengeluar Tenaga Bebas

(IPP), Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) bagi Sabah, Syarikat SESCo Berhad (SESCO) bagi Sarawak.

7. IPP di Semenanjung Malaysia seperti Genting Sanyen Power Sdn Bhd, Powertek Sdn Bhd dan Port Dickson Sdn Bhd yang dilesenkan oleh Kerajaan untuk menjana elektrik. Elektrik yang dijana kemudiannya dibekalkan kepada Tenaga Nasional Bahagian Transmisi untuk memastikan kecukupan dalam Sistem Grid Nasional sebelum ianya dibekalkan kepada TNB Distribution yang akan mengedarkan elektrik tersebut kepada pengguna domestik, komersil dan industri. Pembekalan elektrik di Sabah ialah SESB dan Sarawak ialah SESCo.

8. Rajah di bawah menunjukkan rantaian bekalan tenaga elektrik di Semenanjung Malaysia:



LAYANAN CBP KE ATAS PEMBEKALAN ELEKTRIK

9. Pembekalan elektrik adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air.

10. Di bawah Perenggan 4, Jadual Pertama, Akta CBP 2014, elektrik ditakrifkan sebagai barang dan pembekalan elektrik ialah pembekalan bercukai yang tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Semua pihak yang terlibat dalam rangkaian bekalan dibenarkan untuk menuntut cukai input yang ditanggung pada perniagaan.

11. Di bawah Butiran 7, Jadual Pertama, Perintah CBP (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014, pembekalan 300 unit pertama elektrik kepada pengguna domestik tidak kira penggunaan minimum atau tiada penggunaan bagi tempoh minimum dua puluh lapan hari untuk satu kitaran pembilan setiap kitaran adalah tertakluk kepada kadar sifar.

Contoh 1: Tempoh pembilan melebihi 28 hari

Penggunaan elektrik oleh En Abu untuk 17 April 2015 sehingga 16 May 2015 ialah 350KWJ tertakluk kepada RM0.218 setarif. Berapakah CBP yang dikenakan kepada Abu?

<i>Penggunaan elektrik</i>	=	<i>350KWJ</i>
<i>Nilai tertakluk kepada berkadar sifar</i>	=	<i>RM65.40 (300 x RM0.218)</i>
<i>Nilai tertakluk kepada 6%</i>	=	<i>RM10.90 (50 x RM0.218)</i>
<i>Jumlah CBP</i>	=	<i>RM0.65 (RM10.90 x 6%)</i>
<i>Jumlah bil En Abu</i>	=	<i>RM76.95 (65.40+10.90+0.65)</i>

Contoh 2: Tempoh pembilan kurang 28 hari

Penggunaan elektrik oleh Pn Amura untuk 23 Jun 2015 sehingga 14 Julai 2015 ialah 350KWJ tertakluk kepada RM0.218 setarif. Berapakah CBP yang dikenakan kepada Pn Amura?

<i>Penggunaan elektrik</i>	=	<i>350KWJ</i>
<i>Nilai tertakluk kepada berkadar sifar</i>	=	<i>TIDAK LAYAK</i>

Nilai tertakluk kepada 6% = *RM76.30 (350 x RM0.218)*

Jumlah CBP = *RM4.58 (RM76.30 x 6%)*

Jumlah bil Pn Amura = *RM80.88 (76.30+4.58)*

12. Pengguna domestik hanya merujuk kepada pengguna unit perumahan (*residential unit*). Pengguna komersial seperti rumah kedai, kilang, pejabat kerajaan dan lain-lain (rumah ibadat dan rumah kebajikan) adalah tertakluk kepada kadar standard.

13. Pembekalan elektrik kepada Jabatan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri diberi pelepasan di bawah Butiran 3, Jadual Pertama, Perintah CBP (Pelepasan) 2014. Sila rujuk Panduan Pelaksanaan Butiran 3, Jadual Pertama, Perintah CBP (Pelepasan) 2014 untuk maklumat lanjut,.

14. Masa bagi pembekalan barang adalah apabila barang dialihkan, atau jika barang tidak dialihkan, adalah pada masa apabila barang itu tersedia kepada pelanggan. Masa pembekalan untuk elektrik ialah apabila bayaran diterima atau invois dikeluarkan, yang mana terdahulu. Sila rujuk Panduan Pembekalan untuk maklumat lanjut.

15. Deposit yang diterima dalam bentuk jaminan tidak dianggap sebagai sebahagian daripada balasan bagi pembekalan dan ianya tidak tertakluk kepada CBP. Jika pembekal menggunakan deposit yang diterima sebagai sebahagian daripada balasan bagi pembekalan, deposit tersebut adalah tertakluk kepada CBP.

16. Orang berdaftar CBP layak untuk menuntut pelepasan hutang lapuk ke atas keseluruhan atau sebahagian cukai yang dibayar olehnya berkenaan dengan pembekalan bercukai jika:

- (a) dia belum menerima apa-apa bayaran berkenaan dengan pembekalan bercukai daripada penghutang enam bulan dari tarikh pembekalan atau penghutang telah menjadi tidak solven sebelum berakhirnya tempoh enam bulan;
- (b) usaha yang mencukupi telah dilakukan olehnya untuk mendapatkan hutang itu; dan

- (c) pelepasan hutang lapuk hanya dibenarkan jika pembekalan bercukai melibatkan kedua-dua pembekal dan penerima adalah orang berdaftar CBP.

17. Tarikh pembekalan merujuk kepada tarikh invois yang dikeluarkan. Orang berdaftar itu layak untuk menuntut pelepasan hutang lapuk walaupun hutang lapuk tersebut tidak dihapuskan dari bukunya. Adalah memadai sekiranya dia mempunyai beberapa bukti bertulis yang menunjukkan bahawa beberapa usaha telah dilakukan untuk mendapatkan semula hutang tersebut. Contoh usaha tersebut termasuk surat atau notis peringatan kepada pelanggan. Sila rujuk Panduan Invois Cukai dan Rekod Penyimpanan untuk maklumat lanjut. Pelarasan disebabkan oleh pelepasan hutang lapuk dilakukan dalam tempoh bercukai di mana tuntutan telah dibuat. Sila rujuk Panduan Umum untuk maklumat lanjut.

18. Komisen yang diterima ke atas kutipan bayaran oleh Pos Malaysia Bhd daripada pembekal elektrik adalah pembekalan bercukai dan tertakluk kepada CBP. Pembekal elektrik boleh menuntut cukai input yang ditanggung ke atas pembekalan bercukai yang dibekalkan oleh Pos Malaysia Bhd. Sila rujuk Panduan Ejen untuk maklumat lanjut.

19. Pampasan izin lalu yang dibayar kepada pemilik tanah bagi tujuan pemasangan talian elektrik merentasi tanah persendirian adalah pembekalan bercukai dan tertakluk kepada CBP. Pampasan izin lalu adalah hak untuk menggunakan yang dianggap sebagai pembekalan perkhidmatan. Jika pemilik tanah adalah orang berdaftar CBP, dia hendaklah mengeluarkan invois cukai kepada pembekal elektrik dan pembekal elektrik layak untuk menuntut cukai input yang ditanggung.

20. Pembayaran ganti rugi disebabkan oleh pelanggaran kontrak kerana tidak dilaksanakan / ketidakpatuhan adalah tidak tertakluk kepada CBP.

21. Penalti lewat bayar untuk akaun tertunggak adalah tidak tertakluk kepada CBP.

22. Pembekalan elektrik dari Malaysia kepada pelanggan di DA adalah berkadar sifar walaupun bil elektrik dikeluarkan oleh cawangan TNB/SESB yang bertempat di DA. Ini adalah berdasarkan kepada pembekal elektrik berada di Malaysia dan dipindahkan dari sesuatu tempat di Malaysia.

23. Pembekal elektrik yang mempunyai stesen jana kuasa / mini hidronya sendiri di DA dan membekalkan elektrik kepada pengguna di DA adalah tidak tertakluk kepada CBP. Ini berdasarkan kepada pembekalan elektrik itu dibekalkan di dalam DA.

24. Apa-apa perkhidmatan yang disediakan oleh pembekal elektrik seperti permintaan untuk ujian meter (meter testing) kepada pelanggan di DA adalah tidak tertakluk kepada CBP. Ini berdasarkan kepada pembekal elektrik yang membekalkan perkhidmatan tersebut berada di Malaysia.

SOALAN-SOALAN LAZIM

S1. Bolehkan bil elektrik dikira sebagai invois cukai?

J1. Ya. Bil elektrik boleh dikira sebagai invois cukai jika semua maklumat dalam invois cukai terkandung dalam bil elektrik tersebut.

S2. TGH Power System Manufacturer Bhd. (TGH) membekalkan komponen elektrik serta menyediakan perundingan untuk pembinaan dan penyelenggaraan loji tenaga kepada pengeluar tenaga bebas (IPP). Adakah TGH perlu mengenakan CBP kepada IPP?

J2. Ya, pembekalan barang dan perkhidmatan yang dibekalkan oleh TGH kepada IPP adalah pembekalan bercukai yang tertakluk kepada CBP pada kadar standard sekiranya TGH adalah orang berdaftar CBP.

S3. ABC Power Provider Bhd. (ABCPP) meminjamkan komponen elektroniknya kepada HAD Power Provider Bhd. (HPP). Adakah ABCPP perlu mengenakan dan mengakaunkan CBP ke atas barang yang dipinjamkannya?

J3. ABCPP hendaklah mengakaunkan CBP ke atas barang yang diberi pinjam sama ada terdapat balasan atau tidak.

S4. IPP A meminjamkan elektrik kepada IPP B. Adakah IPP A perlu mengenakan dan mengakaunkan CBP ke atas barang yang dipinjamkannya?

J4. Elektrik yang dipinjamkan oleh IPP A dan kemudiannya digantikan dengan barang (elektrik) yang serupa tapi tidak sama oleh IPP B, pembekalan tersebut adalah tertakluk kepada CBP.

S5. Pemaju Untung Sdn. Bhd. (PUS) memperoleh bekalan elektrik daripada Tenaga Nasional Bhd. (TNB) sebagai *premis penyewa tunggal* yang akan dibekalkan kepada 10 unit kediaman rumah teres yang baru dibina di Taman Untung. Adakah pembekalan tersebut akan berkadar sifar untuk 300 unit pertama di bawah Perintah CBP (Pembekalan Berkadar Sifar)? Bolehkah ia dibahagikan dengan 10?

- J5. Pembekalan tenaga elektrik di bawah nama PUS dianggap sebagai pembekalan yang dibuat untuk tujuan komersil dan ianya tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Walaubagaimanapun, jika PUS memohon untuk sambungan sebagai *premis penyewa pelbagai*, meter berasingan dan bil individu untuk setiap penduduk daripada 10 unit rumah teres dipasang, pembekalan untuk 300 unit pertama layak untuk berkadar sifar.
- S6. Selain tarif semasa, pelanggan komersial dikenakan caj permintaan maksimum biasanya untuk kegunaan yang melebihi 6.6kV. Adakah caj tambahan tertakluk kepada CBP?**
- J6. Ya, caj permintaan maksimum adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard kerana ia adalah bayaran tambahan ke atas pembekalan elektrik kepada pelanggan komersial.
- S7. Selain membekalkan tenaga elektrik, sebuah syarikat tenaga kuasa juga melakukan perkhidmatan. Adakah perkhidmatan berikut dikenakan CBP? Sambungan baru atau sambungan bagi peningkatan pembekalan:**
- Pemotongan dan penyambungan semula bekalan.
 - Pemasangan meter baru.
 - Pemasang meter tambahan dan kemudahan pemeteran yang berkaitan.
 - Penggantian meter mekanikal kepada meter elektronik atau memprogramkan semula meter elektronik atau membaiki meter.
 - Perkhidmatan yang berkaitan dengan ujian yang dijalankan terhadap meter, atas permintaan daripada pelanggan.
 - Menyediakan lampu jalan kepada pelanggan.
 - Meneyediakan lampu neon, *floodlight*, lampu kecemasan atau lampu hiasan.
 - Menyediakan elektrik untuk kerja-kerja perlombongan, dan lain-lain
- J7. Perkhidmatan seperti di atas dianggap sebagai pembekalan untuk tujuan CBP dan dikenakan CBP pada kadar standard.

- S8. Negara-negara anggota ASEAN bertukar-tukar elektrik untuk menyelesaikan masalah kekurangan tenaga dan meningkatkan kerjasama dan pembangunan di kalangan negara-negara ASEAN. Apakah layanan CBP ke atas pertukaran elektrik?**
- J8. Layanan CBP ke atas program pertukaran elektrik antara Negara-Negara ASEAN adalah dianggap sebagai pembekalan yang tidak berada dalam ruang lingkup Akta CBP 2014.
- S9. Apakah layanan CBP ke atas pampasan yang dibayar kepada pengguna dalam kes gangguan utama pembekalan, seperti gangguan bekalan elektrik?**
- J9. Pembayaran pampasan dalam bentuk wang bukan pembekalan dan tidak tertakluk kepada CBP.
- S10. Surcaj angkadar kuasa adalah nisbah di antara kuasa sebenar (iaitu output) dan kuasa ketara (iaitu input). Ia menyediakan bacaan keseluruhan kecekapan penggunaan tenaga elektrik. Peningkatan dalam faktor kuasa akan meningkatkan kebolehpercayaan sistem. Jika faktor kuasa dalam mana-mana bulan jatuh rendah dari set faktor kuasa minimum (kini pada 0.90 untuk pelanggan voltan tinggi dan 0.85 untuk pelanggan lain), kerugian dalam menyediakan bekalan oleh TNB adalah sangat tinggi. Bagi mengimbangi kerugian ini oleh pelanggan.**

Caj Sambungan Beban (CLC) "Apabila pengguna yang pada mulanya meminta untuk bekalan pada permintaan maksimum yang tinggi. TNB perlu memasang infrastruktur elektrik yang mencukupi untuk memastikan pembekalan elektrik boleh diberikan kepada pengguna pada permintaan yang maksimum. CLC ialah penalti yang dikenakan oleh TNB apabila terdapat pengurangan beban yang besar daripada beban asal yang diisytiharkan oleh pengguna. Caj ini diperkenalkan untuk mengelakkan kes di bawah penggunaan beban di mana pengguna pada mulanya memohon untuk permintaan maksimum yang tinggi"

Adakah caj tersebut dikenakan CBP?

- J10. Pampasan yang diberi dan penalti yang dikenakan kepada pengguna adalah tidak tertakluk kepada CBP.
- S11. *Backbilling* dilakukan dalam keadaan di mana jumlah yang dibilkan adalah kurang daripada jumlah sebenar yang digunakan bagi suatu tempoh tertentu. Pelarasan dibuat melalui pengeluaran *backbilling*. Adakah pelarasan tersebut tertakluk kepada CBP?**
- J11. Ya, pengeluaran *backbilling* bagi tujuan pelarasan adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard dan mesti ditambah kepada cukai output dalam tempoh bercukai di mana *backbilling* dikeluarkan. Sila rujuk Panduan Umum untuk maklumat lanjut.
- S12. TNB dan pemaju berkongsi kos aset modal secara 50-50. Tanah untuk pengedaran pencawang hendaklah disediakan oleh pemaju. Ia akan disewa atau dibeli oleh TNB setelah siap. Jika TNB gagal membayar perjanjian itu, dan TNB tidak dapat menyediakan infrastruktur, akan ada pampasan yang dibayar oleh TNB kepada pemaju. Apakah layanan CBP untuk aktiviti tersebut?**
- J12. Apabila pemaju membayar pendahuluan 50% daripada jumlah kos, ia tidak membuat apa-apa bayaran sebagai balasan kerana infrastruktur adalah milik TNB. TNB sebagai orang berdaftar perlu membayar CBP yang dikenakan ke atas pembelian barangan dan perkhidmatan bagi pembinaan infrastruktur.

TNB layak untuk menuntut kredit cukai input pada semua pembekalan bercukai barang termasuk barangan modal yang diperolehi dalam perjalanan atau penerusan perniagaan. Cukai input boleh dituntut sepenuhnya jika TNB membuat pembekalan bercukai.

Bagi tujuan CBP, jika orang kena cukai merupakan pembekal campuran, dia hanya boleh menuntut cukai input yang boleh dikaitkan dengan pembekalan bercukainya. Dalam keadaan ini, Modal Pelarasan Barangan (CGA) mesti digunakan untuk membuat pelarasan bagi tuntutan cukai input awal beliau pada barangan modal apabila barangan modal digunakan untuk membuat kedua-dua pembekalan bercukai dan dikecualikan. Sila rujuk Panduan Modal Pelarasan Barangan untuk maklumat lanjut.

Jika terdapat kes TNB membuat pampasan kepada pemaju yang bukan suatu pembekala, oleh itu tidak tertakluk kepada GST.

In the case of TNB making a compensation to the developer is not a supply and therefore is not subject to GST.

S13. Bolehkah peruntukan penginapan (kuarters) kepada pekerja dengan bayaran nominal dianggap sebagai pembekalan sampingan, dengan itu ia tidak akan meletakkan pembekal elektrik di bawah situasi pembekal bercampur?

J13. Pembekalan penginapan (kuarters) kepada pekerja adalah pembekalan dikecualikan. Oleh kerana bayaran adalah nominal dan pembekalan dikecualikan tidak dapat dielakkan, peraturan de-minimis boleh digunakan untuk menuntut kredit cukai input seperti yang ditetapkan dalam Peraturan 37, Peraturan-Peraturan CBP 2014. Pembekal elektrik boleh menuntut semua kredit cukai input baki yang ditanggung jika jumlah pembekalan dikecualikan memenuhi peraturan de minimis.

S14. Ia adalah perkara biasa bagi pembekal kuasa untuk menerima bayaran berlebihan daripada pelanggan. Bolehkan lebih bayaran yang diterima tertakluk kepada CBP?

J14. Berdasarkan Peraturan 15, Peraturan-Peraturan CBP 2014, cukai ke atas pembekalan itu hendaklah dikenakan hanya setakat yang diliputi oleh invois. Apa-apa lebih bayaran yang berkaitan dengan invois yang dikeluarkan bukanlah balasan ke atas pembekalan dan tidak tertakluk kepada CBP.

PERTANYAAN

1. Sebarang pertanyaan berkenaan panduan ini sila hubungi :

Sektor I

Bahagian GST

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Aras 3 – 7, Blok A, Menara Tulus,

No. 22, Persiaran Perdana, Presint 3,

62100 Putrajaya.

Emel: gstsector1@customs.gov.my.

BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT BERKAITAN CBP

2. Maklumat lanjut berkaitan CBP boleh diperolehi daripada:

(a) Laman sesawang CBP : www.gst.customs.gov.my

(b) Pusat Panggilan Kastam:

- Tel : 03-78067200/ 1-300-888-500
- Faks : 03-78067599
- Emel : ccc@customs.gov.my.